



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 01 Tahun 2016

KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK KEPADA KAKITANGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan penambahbaikan kemudahan Cuti Menjaga Anak kepada kakitangan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan hasrat untuk mengimbangi kehidupan berkeluarga dan kerjaya, Kerajaan telah menambah baik pelaksanaan kemudahan Cuti Menjaga Anak supaya tidak terikat dengan tempoh Cuti Bersalin. Kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan tempoh Cuti Bersalin turut diperluas kepada pegawai wanita yang mempunyai anak tiri tanggungan, anak angkat yang diambil mengikut undang-undang dan anak pelihara.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan UiTM yang ke 154 pada 8 Januari 2015 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti yang ke 144 pada 18 Februari 2015 telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2014 untuk dilaksanakan di UiTM.

PELAKSANAAN

4. Terdapat dua (2) jenis kemudahan Cuti Menjaga Anak, iaitu Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin dan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin.

- a) Kelayakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin adalah seperti berikut:
 - i) terhad kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang bersalin; dan
 - ii) tempoh keseluruhan kemudahan Cuti Menjaga Anak termasuk Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan tempoh Cuti Bersalin terhad sehingga lima (5) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan.
- b) Kelayakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin adalah seperti berikut:
 - i) melibatkan Pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai :
 - a) anak kandung;
 - b) anak tiri tanggungan;
 - c) anak angkat *de facto*;
 - d) anak angkat; dan
 - e) anak pelihara.
 - ii) Tempoh di perenggan 4(b)(i) dikira sebahagian daripada tempoh lima (5) tahun yang diperuntukkan di perenggan 4(a)(ii).

5. Syarat Kelayakan

Bil	Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Bersambung Daripada Cuti Bersalin	Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Tidak Terikat Dengan Cuti Bersalin
1.	Sokongan oleh Ketua Jabatan terhad sehingga lima (5) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan	Sokongan oleh Ketua Jabatan
2.	Tempoh mula: <ol style="list-style-type: none">a) selepas tamat tempoh Cuti bersalin (jika masih mempunyai baki Kemudahan Cuti Bersalin bergaji penuh)b) pada tarikh melahirkan anak (jika telah menggunakan sepenuhnya 300 hari)	Kelayakan: <ol style="list-style-type: none">a) boleh menggunakan kedua-dua kemudahan; sama ada kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin; danb) Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti

	kelayakan kemudahan Cuti Bersalin)	Bersalin
3.	<p>Kelayakan permohonan:</p> <p>a) Boleh diambil sekaligus sehingga lima (5) tahun atau sebahagian daripadanya kecuali pegawai yang telah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak sehingga lima (5) tahun, tidak layak untuk memohon</p> <p>a) telah menggunakan sebahagian daripada kemudahan Cuti Menjaga Anak daripada lima (5) tahun bagi satu kelahiran, boleh menggunakan baki Cuti Menjaga Anak bagi kelahiran yang seterusnya atau kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin; dan</p> <p>b) telah diluluskan kemudahan Cuti Menjaga Anak di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 tahun 2007, hendaklah ditolak daripada jumlah kelayakan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 tahun 2014.</p>	<p>Kelayakan permohonan:</p> <p>a) boleh diambil secara sekaligus atau sebahagian terhad satu (1) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan atau sehingga anak mencapai umur lima (5) tahun mengikut mana yang terdahulu</p> <p>b) telah menggunakan sebahagian kemudahan Cuti Menjaga Anak daripada satu (1) tahun, layak mendapat baki kemudahan Cuti Menjaga Anak yang belum diluluskan</p> <p>c) telah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak secara sekali gus, tidak layak menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak bagi kelahiran yang seterusnya</p>

6. Syarat Umum

Kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin dan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 tahun 2014 dilaksanakan berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- i) **tidak tertakluk kepada tempoh perkhidmatan yang melayakkan, dan tidak perlu menghabiskan Cuti Rehat yang berkelayakan** sebelum menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak;
- ii) tidak menjejaskan pegawai di bawah kemudahan **Cuti Separuh Gaji** (di bawah peruntukan Perintah Am 13 dan Perintah Am 51 Bab C (Cuti) Tahun 1974 serta **Cuti Tanpa Gaji** di bawah peruntukan Perintah Am 14 dan Perintah Am 52 Bab C (Cuti) Tahun 1974;

Cuti Tanpa Gaji di bawah peruntukan Perintah Am 14 dan Perintah Am 52 Bab C (Cuti) Tahun 1974;

- iii) penggunaan kemudahan Cuti Menjaga Anak semasa pegawai berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.
- iv) pegawai yang menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak **melebihi 180 hari** dalam satu (1) tahun kalendar **layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara isyarat**, tertakluk kepada **maksimum** sebanyak tiga (3) kali pergerakan gaji secara isyarat bagi sepanjang tempoh perkhidmatan
- v) dalam tempoh Cuti Menjaga Anak, pegawai masih merupakan pegawai awam yang tertakluk kepada semua peraturan yang berkuat kuasa termasuk Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993];
- vi) bagi pegawai dalam tempoh percubaan dan telah diluluskan kemudahan Cuti Menjaga Anak, tempoh percubaannya dibekukan dan akan disambung semula mulai tarikh pegawai melapor diri bertugas. Walau bagaimanapun, pegawai boleh dikehendaki mengikuti kursus atau peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan;
- vii) pegawai yang telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan sebelum diluluskan kemudahan Cuti Menjaga Anak boleh disahkan pada tarikh sehari selepas pegawai memenuhi syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan;
- viii) bagi pegawai yang memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan semasa bercuti, tarikh pengesahan boleh ditetapkan mulai tarikh pegawai melapor diri bertugas;
- ix) pegawai akan hilang kekananan sepanjang tempoh Cuti Menjaga Anak;
- x) dalam tempoh Cuti Menjaga Anak, pegawai boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat jika memenuhi syarat yang telah ditetapkan;
- xi) tempoh Cuti Menjaga Anak merupakan tempoh perkhidmatan yang tidak diambil kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan; dan
- xii) tempoh Cuti Menjaga Anak yang diambil kira adalah termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.

7. Tatacara Permohonan

Permohonan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin atau Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin adalah dilaksanakan mengikut tatacara yang berikut:

- i) permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan 30 hari sebelum tamat tempoh Cuti Bersalin;

- ii) permohonan untuk menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang **tidak terikat** dengan Cuti Bersalin hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh kuat kuasa Cuti Menjaga Anak;
- iii) permohonan untuk meminda tempoh Cuti Menjaga Anak yang telah diluluskan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan 30 hari sebelum tamat tempoh Cuti Menjaga Anak yang berkuat kuasa. Bagi Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin tertakluk kepada syarat tempoh yang hendak dimohon tidak terputus daripada tempoh yang telah diluluskan;
- iv) permohonan dikemukakan kepada Ketua Jabatan menggunakan Borang Permohonan Kemudahan Cuti Menjaga Anak seperti di **Lampiran A** beserta salinan-salinan dokumen yang dinyatakan dalam borang berkenaan
- v) permohonan diluluskan oleh Ketua Jabatan; dan
- vi) pegawai dikehendaki melapor diri bertugas sebaik sahaja tamat tempoh Cuti Menjaga Anak atau apabila hubungan antara pegawai dan anak di perenggan 4(b)(i) terputus atas sebab kematian anak atau lucut hak penjagaan.

8. Pengurangan Tempoh Cuti Menjaga Anak

Permohonan untuk mengurangkan tempoh Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin atau Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin adalah dilaksanakan mengikut tatacara yang berikut:

- i) pegawai layak, pada bila-bila masa dalam tempoh Cuti Menjaga Anak yang sedang berkuat kuasa, memohon kepada Ketua Jabatan untuk memendekkan tempoh Cuti Menjaga Anak dan menimbangkan suatu tarikh untuk pegawai kembali bertugas;
- ii) pegawai perlu mengemukakan permohonan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh kembali bertugas yang dipohon; dan
- iii) Ketua Jabatan boleh membenarkan pegawai kembali bertugas pada tarikh yang dipohon atau pada mana-mana tarikh, bergantung kepada kekosongan jawatan yang telah ditinggalkan oleh pegawai itu untuk bercuti menjaga anak.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2014, maka Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2007 adalah dibatalkan. Walau bagaimanapun, pembatalan ini tidak mengubah apa-apa kesahihan (*validity*) dan kuat-kuasa apa-apa keputusan yang dibuat sebelum Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan tersebut dibatalkan. Kandungan terdahulu


terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya dan dilaksanakan melalui Pekeling Perkhidmatan Bilangan 5 tahun 2014.

TARIKH DIKELUARKAN

10. Pekeliling dikeluarkan pada 15 Februari 2016.

TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 15 Februari 2016.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(BGSU/PT.6/3)
No. Siri : 100-BPD(BGSU/01/2016)